

**KENYATAAN DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**  
**MESYUARAT MAJLIS PENUH**

**29 JUN 2021**

---

**1. PENEMPATAN & PELANTIKAN PEGAWAI KUMPULAN  
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

Dengan ini dimaklumkan bahawa Dr. Izzat Azmeer Bin Ahmad, Pegawai Perubatan (Gred U47) berkelulusan Master Kesihatan Awam dari “University College Dublin” telah ditempatkan di Jabatan Perkhidmatan Kesihatan berkuatkuasa 1 Jun 2021.

Ucapan tahniah dan diharapkan dapat menjalankan amanah dengan sebaik-baiknya.

## 2. TAMBAHAN SALURAN PEMBAYARAN BAHARU BAGI BIL CUKAI TAKSIRAN DAN KOMPAUN LETAK KERETA MBSP DI 7 ELEVEN SELURUH MALAYSIA

Dimaklumkan mulai Jun 2021, pembayaran cukai taksiran dan kompaun letak kereta MBSP kini boleh dibuat di semua *7 Eleven* seluruh Malaysia. Pemilik premis dan penerima kompaun perlu mengemukakan bil cukai taksiran atau kompaun terkini dan membuat pembayaran secara tunai kepada juruwang *7 Eleven*. Adalah dinasihatkan kepada warga Seberang Perai supaya mengambil dan menyimpan resit yang dikeluarkan sebagai bukti pembayaran untuk semakan akan datang.

## 3. BIL CUKAI TAKSIRAN UNTUK PENGGAL KEDUA 2021

Dimaklumkan bahawa pemilik premis yang telah mengemaskini maklumat, akan mula menerima *CyberBill* cukai taksiran bagi bil Penggal Kedua Tahun 2021 melalui sms dan e-mel mulai **28 Jun hingga 30 Jun 2021**. Manakala bagi yang belum mendaftar, akan menerima bil fizikal secara berperingkat mulai 28 Jun 2021. Pembayaran cukai taksiran perlu dijelaskan **sebelum atau selewat-lewatnya** pada **31 Ogos 2021**. Adalah dinasihatkan kepada pemilik

yang belum mengemaskini maklumat nombor telefon dan e-mel, sila berbuat demikian dengan kadar segera memandangkan tiada lagi bil cetakan akan dikeluarkan pada penghantaran bil cukai taksiran tahun 2022 kelak.

Bagi mengekang penularan wabak Covid-19 dan selari dengan pelaksanaan **Norma Baharu Kaedah Bayaran Cukai Taksiran**, MBSP menggalakkan supaya pemilik premis menyemak dan membuat bayaran secara atas talian melalui kaedah-kaedah yang telah disediakan seperti berikut:

1. Semak & bayar melalui **laman web MBSP** iaitu **<https://www.mbsp.gov.my>** (Perkhidmatan Dalam Talian).
2. Terus ke **Payment Gateway MBSP** iaitu **<https://mbsppay.mbsp.gov.my>** .
3. Portal **ebayar Penang** iaitu **<https://ebayar.penang.gov.my>** .
4. **PBTPay KPKT** iaitu **<https://pbtpay.kpkt.gov.my>** .
5. **Perbankan internet** seperti Maybank2u, CIMB Click dan sebagainya.
6. **JomPay** dengan menggunakan **Biller Code: 5322** .
7. Aplikasi **Boost**.

Pembayaran juga boleh dibuat di Kiosk Paylink dan semua kaunter kedai 7 Eleven seluruh Malaysia serta agen-agen sah yang dilantik MBSP.

Bagi melayakkan diri untuk cabutan bertuah Promosi “Jom Bayar Cukai Secara Online” dan berpeluang memenangi hadiah utama wang tunai RM8,888, pemilik premis dikehendaki membuat bayaran cukai taksiran 2021 berserta tunggakan (jika ada) hanya melalui kiosk, agensi kutipan yang dilantik atau secara dalam talian (online).

**TIDAK LAYAK** bagi pembayaran dikaunter MBSP termasuk kaunter cawangan.

Untuk **SOP** lengkap berkaitan kaedah pembayaran cukai taksiran, sila ikuti tiga (3) langkah-langkah berikut:-

1. Layari laman web MBSP dan pilih **Cyber Counter**
2. Piih **Cukai Taksiran** dan kemudian klik **SOP** di menu Bayaran Cukai Taksiran MBSP Dan Cukai Tanah MBSP
3. Infografik akan dipaparkan.

Sila hubungi talian 04-5497470 / 471 / 468 / 696 / 697 / 790 untuk pertanyaan serta maklumat lanjut mengenai bil cukai taksiran anda.

#### **4. PROMOSI “JOM BAYAR CUKAI SECARA ONLINE” BAGI BIL TAKSIRAN CUKAI PENGGAL KE 2/2021**

Promosi “**Jom Bayar Cukai Secara Online**” akan bermula pada 1 Julai 2021 dan tamat pada 31 Ogos 2021. Ianya diadakan sebagai insentif kepada warga Seberang Perai supaya membayar cukai taksiran serta menjelaskan tunggakan dalam tempoh yang ditetapkan. Menggunakan mana-mana platform saluran pembayaran yang disediakan secara dalam talian (online) atau melalui agensi yang dilantik serta kiosk. Senarai saluran pembayaran disediakan seperti di Lampiran A.

Syarat-syarat penyertaan adalah seperti berikut:-

- a. Pembayaran **melalui kiosk, agensi kutipan atau dalam talian (ONLINE) sahaja.**
- b. **TIDAK LAYAK** bagi pembayaran di kaunter bayaran MBSP termasuk kaunter cawangan.
- c. Cukai taksiran tahun 2021 hendaklah **dijelaskan sepenuhnya** berserta tunggakan sekiranya jika ada.
- d. Pembayaran perlu dibuat dalam tempoh yang ditetapkan iaitu **mulai 1 Julai 2021 hingga 31 Ogos 2021.**

**Lima (5)** hadiah cabutan bertuah yang disediakan adalah seperti berikut :

<b>Kedudukan Hadiah</b>	<b>Jenis Hadiah</b>
Tempat Pertama	Wang Tunai RM8,888
Tempat Ke-2	Wang Tunai RM5,000
Tempat Ke-3	Wang Tunai RM3,000
Tempat Ke-4	Wang Tunai RM2,000
Tempat Ke-5	Wang Tunai RM1,000

Bagi promosi kali ini, pihak Penang Smart Parking telah berbesar hati untuk menaja cenderahati khas berupa **token tambah nilai eWallet Penang Smart Parking bernilai RM5 setiap satu** kepada **2,000 pembayar cukai terawal** yang **memenuhi syarat utama** serta membuat sekurang-kurangnya satu (1) transaksi bayaran tempat letak kereta di mana-mana lokasi di Seberang Perai dalam tempoh masa antara 1 Julai hingga 30 Ogos 2021. Token tambah nilai ini akan dikreditkan ke akaun PSP yang berjaya selewat-lewatnya 31 Oktober 2021

Cabutan nama pemenang yang bertuah akan ditentukan selepas Mesyuarat Majlis Penuh pada bulan September 2021 nanti.

Maklumat lanjut mengenai terma dan syarat sila layari laman web <https://www.mbsp.gov.my> atau hubungi talian **04-5497470/ 471/ 697/ 696** atau e-mail di [waran@mbsp.gov.my](mailto:waran@mbsp.gov.my).

## **5. KELULUSAN PERMIT SEMENTARA BAGI PREMIS PENGINAPAN PEKERJA UNTUK TEMPQH SEMENTARA BAGI KAWASAN MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Mulai 1 Julai 2021, MBSP akan menerima dan memproses permohonan permit sementara bagi premis penginapan pekerja untuk tempoh sementara bagi kawasan Seberang Perai. Premis-premis yang dibenarkan adalah bangunan-bangunan perniagaan sedia ada dan bangunan-bangunan industri sedia ada di kawasan Seberang Perai. Maklumat lanjut mengenai terma dan syarat sila layari laman web <https://www.mbsp.gov.my> atau hubungi talian **04-5497737** atau email di [onlinebgn.gov.my](mailto:onlinebgn.gov.my) .

## **6. SAMBUTAN HARI BANDAR WARISAN DUNIA GEORGETOWN**

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Bandar Warisan Dunia Georgetown yang bakal diraikan pada 7 Julai 2021 (Rabu). Oleh itu, hari tersebut merupakan hari kelepasan am.

## **7. SAMBUTAN HARI JADI YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG**

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Sambutan Hari Lahir Tuan Yang Terutama Yang Di-pertua Negeri Pulau Pinang yang bakal diraikan pada 10 Julai 2021 (Sabtu). Oleh itu, hari tersebut merupakan hari kelepasan am. Kami mendoakan kesejahteraan dan kesihatan yang baik dikurniakan kepada Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datin Seri Khadijah Binti Mohd Nor dan seisi keluarga.

## **8. SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA AIDIL ADHA**

Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Adha kepada semua umat Islam yang akan menyambutnya pada 20 Julai 2021 (Selasa). Oleh itu, hari tersebut merupakan



hari kelepasan am. Saya menyeru kepada seluruh Warga Seberang Perai sentiasa duduk di rumah dan keluar sekiranya perlu sahaja dengan mengamalkan SOP setiap masa.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**

## Lampiran A

Berikut adalah senarai saluran pembayaran yang disediakan:-

1. Laman web MBSP : ***https://mbsppay.mbsp.gov.my*** (melalui **MBSPPay**)
2. Laman web Kerajaan Negeri Pulau Pinang :  
***https://ebayar.penang.gov.my***
3. PBTPay KPKT iaitu ***https://pbtpay.kpkt.gov.my***
4. Perbankan Internet (14 saluran):

1. Bank Islam	6. RHB Bank	11. Agro Bank
2. Maybank	7. BSN	12. HSBC
3. Alliance Bank	8. Affin Bank	13. MBF Cards (Ambank)
4. Ambank	9. Public Bank	14. Jompay (5322)
5. CIMB Bank	10. Bank Muamalat	

5. Kiosk Payquik (PayLink Global) Seluruh Malaysia
6. Aplikasi BOOST
7. Semua kaunter kedai 7 Eleven seluruh Malaysia
8. Senarai agensi kutipan kaunter yang sah dilantik MBSP adalah seperti berikut :-

a. Kaunter Majlis Bandaraya Pulau Pinang

- b. Kaunter Bank Rakyat
- c. Kaunter Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang  
(PBAPP)
- d. Kaunter Pos Malaysia (seluruh Negeri Pulau Pinang  
Sahaja)